

04 AUG 1996

Mahathir - Veteran

DR MAHATHIR HARGAI VETERAN UMNO MASIH AKTIF

ALOR SETAR, 4 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan penghargaannya terhadap kesetiaan yang ditunjukkan oleh veteran UMNO yang masih bersama parti itu walaupun mereka kini tidak memegang sebarang jawatan.

Sikap mereka yang tidak melupakan jasa parti yang pernah memberi kedudukan kepada mereka patut diteladani, katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra dekat sini. Beliau ialah juga ketua bahagian itu.

Sambil menyebut beberapa nama seperti Tan Sri Aishah Ghani, Tan Sri Khir Johari dan bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff, Perdana Menteri berkata mereka ini masih lagi cergas dan aktif dalam parti walaupun sudah tidak mempunyai jawatan.

"Mereka ini ialah antara veteran UMNO yang tidak lupa bahawa kalau tidak kepada parti, mereka tidak punya apa.

"Kita bangga kerana mereka ini sanggup bersusah kerana parti dan meskipun kini tidak memegang sebarang jawatan tinggi dalam UMNO atau kerajaan, masih lagi terus aktif," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa anggota UMNO tidak harus lupa kepada jasa parti apabila mereka tidak lagi memegang sebarang jawatan kerana kemewahan yang dinikmati negara sekarang sebenarnya hasil perjuangan UMNO.

Menurutnya UMNO adalah satu-satunya parti yang memberi tempat kepada orang Melayu memegang jawatan yang tinggi dalam kerajaan.

"Walau kita pandai dan kuat bekerja sekalipun tetapi tiada parti kita tidak akan dapat tempat dalam kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau juga berharap beliau sendiri tidak akan melupakan jasa parti apabila bersara nanti walaupun orang melupakan jasanya.

Osman yang juga Timbalan Ketua bahagian itu bagaimanapun tidak hadir pada mesyuarat berkenaan kerana dilaporkan berada di luar negara. -- BERNAMA

MZM ZAA MAI